

Najib Adakan Lawatan Rasmi Tiga Hari ke UAE
Bernama
Mei 16, 2014

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE) mulai Sabtu ini atas jemputan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed Zayed Al Nahyan.

Najib akan diiringi oleh isterinya Datin Seri Rosmah Mansor.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh serta beberapa pegawai kanan kerajaan.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, semasa lawatan di sana, Perdana Menteri dijangka mengadakan pertemuan dengan Naib Presiden dan Perdana Menteri UAE Sheikh Mohammed Rashid Al-Maktoum, yang juga Pemerintah Dubai.

Najib juga dijadual bertemu dengan Putera Mahkota Abu Dhabi, Sheikh Mohammed, yang juga Timbalan Panglima Tertinggi Angkatan Tentera UAE.

Kedua-dua mereka juga akan menyaksikan pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysia dan UAE.

Wisma Putra berkata lawatan itu akan memberi peluang kepada Perdana Menteri dan pemimpin UAE untuk memperbaharui ikatan persahabatan mereka dan membincangkan isu-isu berkepentingan bersama termasuk isu serantau dan antarabangsa.

Selain itu, lawatan itu juga untuk meneroka bidang-bidang kerjasama bagi memperatkan lagi hubungan antara Kuala Lumpur dan Abu Dhabi.

UAE merupakan salah satu rakan dagangan utama Malaysia di Timur Tengah dan tahun lepas jumlah dagangan antara kedua-dua negara mencatatkan sebanyak RM27.7 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 11.7 peratus berbanding RM24.8 bilion pada tahun sebelumnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038653>